

MEMOBILISASIKAN PENYERTAAN LOKAL MELALUI *PARTICIPATORY RURAL APPRAISAL* (PRA) BAGI PENILAIAN KEPERLUAN UNTUK PEMBANGUNAN KOMUNITI

MOHD YUSOF HJ ABDULLAH, NOOR RAHAMAH HJ ABU BAKAR, ABD.
HAIR AWANG, JUNAENAH SULEHAN & ONG PUAY LIU
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Penyertaan adalah suatu isu penting dalam wacana pembangunan. Bagi pihak yang mengajukan pembangunan, penyertaan daripada khalayak sasaran amat dikehendaki dan bagi kalangan khalayak sasaran mereka jarang diajak untuk turut serta dalam proses pembangunan dari awal lagi. Pendekatan *Participatory Rural Appraisal* (PRA) memberi peluang kepada khalayak sasaran untuk turut sama mengambil bahagian dalam proses pembangunan. PRA boleh digunakan untuk memobilisasikan penyertaan khalayak melalui komunikasi dan interaksi yang menggalakkan komuniti berkongsi pendapat, idea dan pengalaman mengenai masalah lokal, isu, keperluan, dan kepentingan mereka. Pendekatan ini menekankan kepada pengetahuan tempatan dan membantu komuniti lokal untuk menilai keperluan, analisis dan merancang. Oleh yang demikian, PRA digunakan untuk memudahkan perkongsian maklumat, analisis dan tindakan di kalangan pihak berkepentingan. Secara amnya, tujuan PRA adalah untuk membolehkan pihak-pihak berkepentingan seperti kerajaan, komuniti lokal, sektor swasta dan organisasi bukan kerajaan (NGO) untuk bekerjasama dalam merancang program pembangunan yang sesuai dan relevan bagi sesebuah komuniti. Di Indonesia dan Filipina misalnya, pengaplikasian PRA dalam program pembangunan komuniti telah menjadi kebiasaan untuk mengukur keperluan dan keinginan komuniti desa. Makalah ini membincangkan kepentingan pendekatan PRA kepada kerja-kerja pembangunan, syarat-syarat

perlu untuk menggunakan pendekatan ini, kelebihan pendekatan ini dan sejauh manakah pendekatan ini boleh diaplikasikan kepada pembangunan komuniti di Malaysia.

Kata Kunci: *Penyertaan; komunikasi penyertaan; penilaian partisipatori luar bandar; keperluan; pembangunan.*

MOBILISING LOCAL PARTICIPATION THROUGH PARTICIPATORY RURAL APPRAISAL (PRA) FOR NEED ASSESSMENT IN COMMUNITY DEVELOPMENT

Abstract

In any development discourse, one of the imminent issues is participation. To the development proponent, participation from the people is greatly sought, while to the development beneficiaries, their participation is seldom incorporated in the early process of development. Participatory rural appraisal (PRA) is a method that provides opportunity for the people to participate in the development process. It can be used to mobilize people's involvement through the process of communicating and interacting which will encourage them to exchange ideas, opinions, and experiences relating to issues, needs, and problems of their concerns. PRA emphasized local knowledge and engaging the communities in needs assessment, self analysis and planning. Thus, PRA is a mechanism to facilitate information sharing, needs analysis and proper planning by the stakeholders. The main purpose of PRA is to assist the government, non-governmental organizations, and the communities to collectively involve in the planning process. Countries such as the Philippines and Indonesia have employed this method in their community development works. This article highlights the importance of PRA for community development, the conditions to use PRA technique, its advantages and its potential for community development work in Malaysia.

Keywords: *Participation; participatory communication; participatory rural appraisal; needs; development.*

Pengenalan

Penyertaan adalah satu konsep penting dalam wacana pembangunan. Sebagai satu konsep penting, ianya sering dibincang dan ditekankan dalam penulisan berkaitan perubahan sosial yang terancang seperti pembangunan. Cohen & Uphoff (1977) menyatakan bahawa penyertaan itu merupakan proses individu dapat menghampirkan dirinya atau mempunyai hubungan dengan perancangan dan pelaksanaan sesuatu program pembangunan. Matlamat pembangunan akan tercapai jika usaha pembangunan yang dirancang itu mendapat penyertaan daripada semua pihak terutamanya di kalangan kumpulan sasaran. Dalam konteks ini, penyertaan adalah sebagai satu indikator kerana dengan adanya penyertaan, usaha-usaha pembangunan akan lebih berjaya dan lebih lestari (White 1999). Di Malaysia, kerajaan yang memerintah adalah bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pelbagai rancangan pembangunan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Usaha ini tidak akan mencapai matlamat jika tidak mendapat penerimaan daripada rakyat.

Sebagai pihak yang mengajukan pembangunan dan mempunyai tanggungjawab memajukan rakyat, maka adalah penting penyertaan semua pihak digembeling sama. Keperluan kepada kemajuan memerlukan proses pembangunan untuk mengubah keadaan yang serba kekurangan kepada keadaan kesejahteraan hidup yang lebih sempurna (Mohd. Yusof 2001). Bagaimana hendak memastikan usaha pembangunan mendapat penerimaan rakyat? Rakyat yang terdiri pelbagai kelompok, peringkat dan komuniti adalah golongan sasaran dan penerima faedah rancangan pembangunan. Rancangan pembangunan itu mestilah bersesuaian dan dirasakan perlu oleh penerima faedah. Bagaimana hendak memastikan rancangan pembangunan itu benar-benar menepati kehendak dan keperluan kumpulan sasaran?

Makalah ini membincangkan tiga aspek utama. Aspek pertama adalah pendekatan *Participatory Research Appraisal* (PRA) yang boleh digunakan untuk memobilisasikan penyertaan kumpulan sasaran dalam turut sama menentukan rancangan pembangunan yang benar-benar diperlukan oleh mereka. PRA adalah proses yang digunakan dalam program pembangunan bagi membantu komuniti desa mengumpul maklumat tentang sumber-sumber yang ada, mengenal pasti dan memberi keutamaan kepada keperluan pembangunan lokal mereka. Aspek kedua perbincangan menyentuh kepentingan pendekatan PRA kepada kerja-kerja pembangunan, syarat-syarat perlu untuk menggunakannya dan kelebihan pendekatan ini. Aspek ketiga perbincangan meneliti sejauh mana pendekatan ini boleh diaplikasikan kepada pembangunan komuniti di Malaysia.

Metod kajian

Maklumat dan data yang diperolehi adalah berdasarkan pemerhatian ikut serta penggunaan PRA di sebuah desa yang terpilih iaitu di Desa Darmareja, Daerah Sukabumi, Jawa Barat, Indonesia. Pemerhatian ikut serta adalah keatas sesi temubual bersemuka (dialog) dengan sekumpulan wanita seramai 15 orang dari

Desa Darmareja. Pemilihan peserta sesi dialog PRA ini adalah dari kalangan suri rumah yang bersetuju untuk membincangkan isu kesihatan. Sesi dialog PRA ini dikendalikan oleh seorang fasilitator dari Universitas Nasional Indonesia. Sesi dialog berjalan selama tiga jam. Pemerhatian ikut serta membolehkan pengkaji untuk memerhati dan merasakan pengalaman cara pengendalian pendekatan PRA. Pengalaman pemerhatian ikut serta digunakan sebagai input kepada perbincangan dalam makalah ini.

Memobilisasikan penyertaan lokal

Dalam konteks pembangunan komuniti, penyertaan boleh dilihat sebagai proses aktif bagi memberi manfaat atau memenuhi keperluan komuniti dengan tujuan memperbaiki kehidupan yang meliputi pendapatan, pertumbuhan peribadi, 'self-reliance' atau nilai lain yang dipegang oleh mereka (Paul 1983). Untuk memastikan rancangan pembangunan menepati kehendak dan keperluan golongan sasaran dan sekaligus memastikan penerimaan dan kelestarian, maka adalah penting penyertaan golongan sasaran diambilkira dan diberi penekanan sebelum perancangan dibuat. Penyertaan mereka mestilah aktif dan bermakna dan dibahagi kepada tiga peringkat, iaitu perancangan, penyertaan dan penilaian. Bentuk penyertaan sebegini adalah selaras dengan *Declaration on the Rights to Development* yang diterimapakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dalam tahun 1986. Antara lain isi kandungan deklarasi ini menyebut hak publik untuk mengambil bahagian dan menyumbang dalam menentukan arah pembangunan melalui penyertaan atau penglibatan meluas (Reoch 1994). Penyertaan meluas itu meliputi semua peringkat dari mula mengenal pasti keperluan dan masalah sehinggalah kepada membuat penilaian impak usaha pembangunan itu.

Penyertaan kumpulan sasaran adalah untuk memberi peluang mereka berkongsi pandangan berkaitan keadaan kehidupan mereka. Ini adalah kerana mereka lebih arif dan mengetahui soal-soal berkaitan keperluan kehidupan mereka. Mereka mempunyai pengetahuan tersendiri yang boleh digunakan untuk merancang kehidupan mereka. Justeru, memobilisasikan penyertaan lokal bermaksud menggerak dan menggalakkan golongan sasaran untuk turut serta dari peringkat awal proses pembangunan. Kaedah dialog atau perbincangan kumpulan secara tidak formal sebagai teknik untuk menggalakkan penyertaan dari kalangan kumpulan sasaran boleh digunakan dalam menentu dan merancang program pembangunan. Melalui dialog atau perbincangan tidak formal ini, banyak maklumat daripada lokal boleh diperolehi. Maklumat ini boleh memberikan pengetahuan dan meningkatkan pemahaman tentang masalah dan keperluan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran. Pemahaman yang diperolehi dapat membantu perancangan pembangunan yang bersesuaian untuk kumpulan sasaran.

Strategi yang digunakan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk mendekati rakyat melalui media sosial seperti Facebook 1Malaysia dan *twitter* adalah kaedah dialog atau perbincangan bagi mendapatkan maklumbalas daripada rakyat pelbagai lapisan. Maklumbalas ini adalah untuk

kepimpinan negara memahami dan menyelami masalah dan keperluan rakyat. Komunikasi dua hala ini dapat memberi peluang kepada kedua belah pihak berinteraksi dan berkongsi maklumat penting untuk dijadikan input kepada pembentukan dasar dan perancangan aktiviti pembangunan. Komunikasi sebegini memberi peluang kepada pemimpin negara untuk menjalin hubungan dengan rakyat dan mendapatkan maklumat umum berkaitan keperluan rakyat.

Pendekatan *Participatory Rural Appraisal* (PRA)

Terdapat pelbagai pendekatan untuk menggerakkan penyertaan golongan sasaran dalam usaha mengetahui dan mengenalpasti keperluan dan masalah mereka. Satu pendekatan itu adalah *Participatory Rural Appraisal* atau ringkasnya PRA. Pendekatan ini diperkenalkan oleh Robert Chambers melalui bukunya bertajuk *Putting the last first* (1983) dan sebuah lagi buku beliau berjudul *Putting the first last* (1997). Robert Chambers adalah seorang sarjana dan pengamal pembangunan yang mengadvokasikan idea untuk mengketengahkan kedudukan golongan miskin dalam proses penggubalan dasar pembangunan. Beliau mempopularkan konsep mendahulukan golongan yang tertinggal atau orang kebanyakan dengan menekankan pentingnya suara golongan ini diambil kira apabila mengenalpasti masalah dan keperluan pembangunan, membuat perancangan dan pelaksanaan projek.

Menurut Chambers (1999), PRA adalah kaedah menggerakkan masyarakat untuk turut serta dalam mengenal pasti dan menganalisis keadaan kehidupan mereka supaya dapat digunakan bagi merancang dan melaksanakan pelan tindakan yang sesuai. Sesuai dengan namanya, PRA boleh dianggap sebagai kajian tindakan turut serta yang mengumpulkan maklumat daripada kumpulan sasar oleh kumpulan sasar itu sendiri melalui pekerja pembangunan yang bertindak sebagai fasilitator. Ringkasnya, PRA adalah kaedah mengkaji keadaan desa secara partisipatif oleh penduduk desa itu. Kumpulan sasaran adalah aktor utama dalam proses mengenal pasti dan menganalisis keadaan dan keperluan kehidupan mereka. Menurut Mohd. Yusof (2001), maklumat awal berkaitan kesedaran, kefahaman, pengetahuan dan sumber maklumat yang digunakan adalah penting untuk mendapatkan data yang jelas. Oleh yang demikian, kumpulan sasaran diajak berbincang untuk mengongsi pendapat, pengalaman, dan pengetahuan berkaitan isu-isu kehidupan yang dihadapi mereka.

Para sarjana dan aktivis pembangunan di Indonesia dan Filipina telah lama menerapkan kaedah PRA dalam aktiviti pengembangan. Misalnya, staf akademik Pusat Pemberdayaan Masyarakat di Universitas Nasional, Jakarta, Indonesia menggunakan kaedah ini untuk menggerakkan penduduk desa mengenalpasti isu dan keperluan pembangunan dan penyelesaian kepada isu dan keperluan tersebut. Staf akademik dan pelajar akan ke lapangan untuk mengenalpasti kelompok komuniti yang boleh digerakkan. Mereka menggunakan kaedah PRA untuk berdialog dengan komuniti tentang pelbagai isu yang dihadapi seperti kesihatan, pertanian, kraftangan, perniagaan runcit, pendidikan dan sebagainya.

Mereka memperolehi maklumat daripada komuniti itu semasa komunikasi dua hala yang diadakan.

Pendekatan PRA dicadangkan untuk usaha pembangunan kerana kekurangan dan kritikan terhadap kaedah pembangunan berteraskan perancangan dari atas ke bawah. Adalah didapati bahawa pembangunan dari atas ke bawah seringkali tidak mencerminkan keperluan dan kebolehan kebanyakan kumpulan sasaran umpama sasaran hendak kambing diberi ayam. Pembangunan yang tidak secocok atau sesuai berpunca daripada perancangan yang tidak mengambilkira pandangan, keperluan, pengetahuan dan keupayaan lokal. Lazimnya, keputusan untuk merancang projek pembangunan lebih ditentukan oleh pegawai di peringkat Kementerian atau Jabatan berdasarkan apa yang difikirkan sesuai untuk kumpulan sasaran itu.

Sehubungan dengan projek pembangunan yang tidak sesuai atau tidak menepati keperluan kumpulan sasaran adalah isu kurangnya penyertaan kumpulan sasaran dalam proses pembangunan dari peringkat awal proses pembangunan. Kumpulan sasaran seringkali dianggap sebagai penerima pasif kepada rancangan pembangunan yang dirancangan oleh pakar-pakar di birokrasi pembangunan. Kadang-kadang tidak semua rancangan yang dirancangan itu sama seperti apa yang dikehendaki dan upaya dilaksanakan oleh penerima faedah pembangunan itu. Justeru, rancangan pembangunan yang diperkenalkan itu seringkali ditolak atau kalau diterima kemungkinan tidak berkekalan. Ini adalah kerana mereka tidak dilibatkan dari awal dalam mengenalpasti keperluan dan keupayaan melaksanakan sesuatu rancangan. Oleh itu, PRA adalah berguna untuk mengenalpasti keperluan, aspirasi dan sebarang kekurangan yang dihadapi oleh kumpulan sasaran melalui perbincangan sesama mereka (Binns et al, 1997). Matlamat PRA adalah untuk memahami keadaan kehidupan kumpulan sasaran dari perspektif mereka sendiri.

Mohd. Yusof (1999) menyatakan bahawa komunikasi merupakan komponen integral di dalam usaha-uasaha berancang untuk mengatasi masalah. Oleh yang demikian, kumpulan sasaran boleh dilibatkan untuk menilai keperluan dan masalah melalui bentuk komunikasi dua hala seperti dialog atau perbincangan berkumpulan secara tidak formal tetapi teratur. Dalam konteks untuk membawakan perubahan, dialog dilihat sebagai cara terbaik untuk berkongsi maklumat, buah fikiran, cerita, dan pengalaman dan para peserta boleh saling membuat pengesahan, merenung kembali dan memberikan komen (Papa, Singhal and Papa 2006). Dialog atau perbincangan tidak formal yang teratur ini dihadiri oleh individu-individu komuniti setempat dan dipimpin oleh seorang pekerja pembangunan selaku fasilitator. Fungsi fasilitator ini adalah memimpin perbincangan. Tugas beliau selaku fasilitator adalah;

- Mengenalpasti individu-individu yang sesuai dan mahu menyertai dialog.
- Menanyakan soalan untuk mendapatkan pandangan daripada peserta dialog.
- Mendengar pandangan yang dikemukakan oleh peserta.

- Mencatatkan semua pandangan.
- Mendapatkan kesepakatan fikiran tentang pandangan.
- Merumuskan pandangan yang telah dicatat bersama peserta.
- Menulis laporan hasil dialog.

Berdasarkan senarai tugas di atas, ternyata fasilitator memainkan peranan penting mewujudkan suasana berdialog yang kondusif iaitu peserta dialog suka dan mahu untuk berkongsi pandangan dan pengetahuan (White and Nair 1999). Peranan ini memerlukan fasilitator itu seorang komunikator yang berketrampilan iaitu memiliki pengetahuan dan kemahiran komunikasi. Pengetahuan dan kemahiran komunikasi adalah penting kerana fasilitator perlu berupaya mendapatkan persetujuan individu untuk menyertai dialog, dapat menarik mereka untuk bercakap, pandai mendalami pandangan yang dikemukakan, dan mampu menjadikan dialog itu lancar dan seronok.

Ternyata, kedudukan fasilitator dalam pendekatan PRA adalah memudah dan melancarkan dialog atau perbincangan dalam kalangan peserta. Fasilitator mesti lebih banyak mendengar iaitu mendengar dengan empati. Mendengar dengan empati adalah menumpukan perhatian kepada apa yang diperkatakan dan memahami makna seperti yang dimaksudkan oleh peserta. Fasilitator mesti memberi fokus kepada peserta perbincangan dan kehadiran beliau adalah untuk menggerakkan peserta mengambil bahagian dalam perbincangan. Kehadiran beliau dalam dialog atau perbincangan adalah *“to learn from local people, directly, on the site, and face-to-face, gaining insight from their local physical, technical and social knowledge; listening not lecturing”* (Chambers 1994)

Mengaplikasikan PRA dalam proses pembangunan

Pembangunan mestilah memenuhi dan menepati keperluan kehidupan masyarakat, khususnya kumpulan sasaran. Untuk mencapai matlamat ini, semua pihak berkepentingan seperti kerajaan, kumpulan sasaran, dan pelaksana pembangunan mesti dilibatkan dalam proses pembangunan iaitu merancang, melaksana dan menilai kesan pembangunan itu. Penglibatan kumpulan sasaran boleh dijana melalui pendekatan PRA. Berdasarkan perbincangan di dalam makalah ini, dapat disimpulkan bahawa pendekatan PRA mempunyai kelebihan tersendiri untuk memobilisasi penyertaan aktif dan bermakna kumpulan sasaran dalam proses pembangunan. Pendekatan PRA mengutamakan kepentingan kumpulan sasaran. Kumpulan sasaran diutamakan untuk menyuarakan pandangan, pengetahuan, dan pengalaman mereka berkaitan keperluan pembangunan dan bersama-sama mengenal pasti langkah-langkah penyelesaian. Ini adalah kerana kumpulan itu lebih mengetahui masalah dan keperluan mereka. Adalah wajar suara mereka didengar dan diambilkira untuk merancang program pembangunan.

PRA diketengahkan sebagai alternatif kepada strategi pembangunan adalah berdasarkan andaian bahawa setiap orang atau komuniti bukanlah objek tetapi adalah aktor yang berhak menetapkan tujuan, mampu menguruskan sumber yang ada, dan mengarahkan proses yang mempengaruhi kehidupan mereka kerana

mereka memiliki potensi atau upaya yang boleh dikembangkan (Tamam Achda 2003). Potensi atau upaya ini perlu didorong dan diperolehi melalui dialog atau perbincangan secara tidak formal bersama pekerja pembangunan.

Sejauhmanakah PRA boleh diaplikasikan dalam pembangunan komuniti di negara ini? Persoalan ini bergantung kepada beberapa perkara yang perlu dipenuhi. Pertama, mesti ada wujud komitmen di pihak pengaju pembangunan untuk mengutamakan kepentingan kumpulan sasaran. Komitmen itu sudah wujud sekarang ini melalui slogan “rakyat didahulukan, pencapaian kini” yang mula dipraktikkan. Perdana Menteri, Dato Seri Najib Tun Abdul Razak pernah berkata bahawa era kerajaan serba tahu sudah berakhir, dan sekarang adalah masanya kepentingan rakyat lebih diutamakan. Rakyat mestilah diajak berunding dan suara mereka mesti didengar dalam membuat keputusan menyentuh kebajikan mereka. Kenyataan ini mengiktiraf pandangan dan pengetahuan rakyat untuk turut sama menentukan hala tuju pembangunan negara.

Kedua, mesti ada perubahan budaya kerja dalam kalangan pekerja pembangunan. Pekerja pembangunan mestilah mahu lebih mendengar pandangan, pengetahuan, dan pengalaman kumpulan sasaran. Pekerja pembangunan mesti lebih bersedia berkomunikasi dengan lebih kerap bersama kumpulan sasaran melalui majlis dialog dan perbincangan tidak formal. Mereka juga mesti menganggap bahawa kumpulan sasaran mempunyai pengetahuan yang berguna yang boleh digunakan untuk merancang program pembangunan.

Ketiga, untuk membolehkan pendekatan PRA dipraktik, pekerja pembangunan mestilah seorang komunikator yang berketrampilan. Pekerja pembangunan mesti mahir bercakap, menulis, dan menanya soalan. Mereka mesti seorang yang peramah, tidak malu, boleh bergaul dengan semua peringkat orang, dan pandai berbual untuk mendorong peserta dialog bercakap. Pengetahuan dan kemahiran ini boleh diasah melalui pendedahan kepada teknik PRA dan pengalaman mempraktikkannya.

PRA patut dipraktikkan oleh pihak yang terlibat dalam usaha pembangunan jika ingin memastikan program pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan mendapat sokongan dan penerimaan kumpulan sasaran. Justeru, keperluan dan masalah kumpulan sasaran mestilah difahami. PRA mempunyai pelbagai teknik seperti pemetaan, sejarah perkembangan, kalendar musim, matriks keutamaan dan sebagainya yang boleh digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi memahami sebenarnya keperluan dan masalah mereka. Maklumat yang diperolehi adalah dari kata-kata kumpulan sasaran itu sendiri.

Rumusan

Pembangunan yang berorientasikan keperluan rakyat adalah berasaskan kepada apa yang disuara dan diluahkan oleh rakyat. Ini menunjukkan bahawa rakyat melibatkan diri dalam menentukan apa-apa yang diperlukan dan ada hak untuk menentukan masa depan mereka. Mekanisma untuk mereka melibatkan diri dalam proses pembangunan mesti diwujudkan dan digunakan oleh jentera pembangunan

di semua peringkat. Sebagai rumusannya, PRA adalah pendekatan alternatif yang patut digunakan untuk perancangan pembangunan. PRA mampu merapatkan jurang kekurangan penglibatan kumpulan sasaran dalam proses pembangunan kerana ia memberikan peluang kepada mereka untuk menyuarakan pandangan dan pengetahuan melalui komunikasi sesama mereka dalam mengenal pasti keperluan dan masalah sendiri. Secara langsung, PRA memperkasakan kumpulan sasaran dalam menentukan kemajuan yang diinginkan.

About the authors

Dr Mohd Yusof Hj Abdullah is a senior lecturer and Head of Programme for Communication and Public Policy at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities. **Dr Noor Rahamah Hj Abu Bakar** and **Dr Junaenah Sulehan** are Associate Professors, Abd Hair Awang is a lecturer and all three researchers are attached with the School of Social, Development and Environmental Studies under the same Faculty. **Dr Ong Puay Lin** is Associate Professor at the Institute of Ethnic Studies (KITA).

Rujukan

- Binns, T. et al. (1997). Learning from the people- participatory rural appraisal, geography and rural development in the new South Africa, *Applied Geography*, Vol. 17 (1), 1-9.
- Chambers, R. (1983). *Rural Development — Putting the last first*. Essex, England: Longmans Scientific and Technical Publishers.
- Chambers, R. (1994). Participatory rural appraisal: An analysis of experience. *World Development*, Vol. 22 (9), 1253-1268.
- Chambers, R. (1997). *Whose reality counts: Putting the first last*. Essex, England: Practical Action Publishing.
- Cohen, J.M. & Uphoff, N. T. (1977). Rural Development Participation : Concepts and Measures for the Project Design, Implementation and Evaluation. *Rural Development Monograph No. 2*. New York: Rural Development Committee Centre for International Studies, Cornell University, Ithaca.
- Mohd. Yusof Abdullah. (1999). Kempen Kelamatan Jalanraya: Keperluan Kepada Pendekatan 3E. *Jurnal Komunikasi* 15: 139-152.
- Mohd. Yusof Abdullah. (2001). Merancang Kempen Komunikasi Berasaskan Penilaian Formatif. *Jurnal Komunikasi* 17: 43-56.
- Papa, M.J., Singhal, A., and Papa, W.H. (2006). *Organizing for social change*. New Delhi: Sage Publications.
- Paul, S. (1983). *Managing Development Programmes – The Lesson of Success*. Boulders, Colorado: West View Press.
- Reoch, R. (1994). *Human rights-The new consensus*. London: Regency Press.
- Tamam Achda. (2003). *Mendahulukan yang tertinggal: Laporan studi peninjauan kebutuhan Program Adopsi Desa Miskin di Desa Rajegmulya, Desa Sukasari, desa Gunungsari. Desa Tegal Kunir Lor, Desa Tegal Kunir Kidur, Kabupaten*

Tangerang, Provinsi Banten, Indonesia. Jakarta: Pusat Perberdayaan Masyarakat Universitas Nasional.

White, S.A. (ed.) (1999). *The art of facilitating participation: Releasing the power of grassroots communication.* New Delhi: Sage Publications.

White, S.A. (ed.) (1999). *The art of facilitating participation: Releasing the power of grassroots communication.* New Delhi: Sage Publications.